



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 3 SEPTEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	749,800 BENIH IKAN DILEPASKAN DI SUNGAI SEKITAR TERENGGANU, NEGERI, SH-27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	RM8.4M SALES AT FAMA FEST 2024, NATIONAL, THE SUN-4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	AGROBANK, KADA SANTUNI 100 ASNAF, BISNES, HM-23	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)
4.	DIANGGAP TIDAK MODEN PUNCA BELIA KURANG MINAT SEKTOR PERIKANAN, DALAM NEGERI, UM-3	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
5.	SABAH AGRICULTURE PARK TO INTRODUCE DURIAN ORCHARD WITHIN 3 YEARS, NATIONAL, THE SUN-4	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2024	SINAR HARIAN	NEGERI	27

749,800 benih ikan dilepaskan di sungai sekitar Terengganu

DUNGUN - Sebanyak 749,800 benih ikan dilepaskan di 16 lokasi bermula awal tahun ini bertujuan memulihara sumber marin tempatan.

Pengarah Jabatan Perikanan Terengganu (DOF), Ruzaidi Mamat berkata, pelepasan benih ikan ke perairan juga dapat mengekalkan sumber dan keterjaminan makanan, meningkatkan ekonomi nelayan darat selain menjadi pemangkin aktiviti perikanan rekreasi serta ekopelancongan.



RUZAIDI

"Pada tahun ini, DOF menerima peruntukan RM135,000 bagi perolehan benih ikan daripada kerajaan negeri dan Persekutuan.

"Kita membuat perolehan 295,400 benih ikan terdiri daripada 21,500 baung, lampam sungai (80,000), udang galah (190,000), siakap (3,300) dan 600 ekor kelah," katanya ketika ditemui di Sungai Paka, Kampung Durian Mentangau, pada Isnin.

Ruzaidi berkata, benih ikan itu sebahagiannya sudah dilepaskan di enam daerah kecuali di Dungun dan Kemaman.

"Pemilihan lokasi pelepasan berdasarkan terdapatnya aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan dan kawasan konservasi perikanan darat," katanya.

Mengulas lanjut, Ruzaidi berkata, jumlah keseluruhan pelepasan pada Isnin melibatkan 28,000 benih ikan dan udang galah.

"Ia melibatkan 15,000 benih udang galah dan 10,000 benih lampam sungai bernilai RM12,350.

"Program pelepasan benih ikan ini memberi manfaat kepada 183 nelayan darat berdaftar, penduduk setempat dan pengusaha ekopelancongan," jelasnya.

Dalam pada itu, Ruzaidi berkata, berdasarkan data pada 2022 dan tahun lalu menunjukkan berlaku peningkatan jumlah pendaratan ikan darat sebanyak 14.7 peratus iaitu bersamaan 24.63 tan metrik manakala nilai borong bernilai RM763,282.33.

Beliau berkata, peningkatan itu adalah antara impak positif menerusi program pelepasan benih ikan dilaksanakan DOF.

Terdahulu, seramai 46 penerima bantuan peralatan nelayan darat menerima bantuan berupa dua unit pukot tangsi bernilai RM272.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2024	THE SUN	NATIONAL	4

RM8.4m sales at Fama Fest 2024

KENINGAU: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) Fest 2024 held in Kuala Lumpur and in six states recorded sales of RM8.4 million, said Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup.

The fest which was held in Perak, Sarawak, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Kelantan and Kuala Lumpur benefited 808 entrepreneurs by allowing them to promote various agricultural products and services, including unique and popular traditional food to over 459,000 visitors.

"Fama Fest allows local communities to promote and support local products and create their own identity in their respective areas," he said at the close of Fama Fest 2024 @ Sabah on Sunday.

He said Sabah was the eighth location for the fest, with 443 entrepreneurs and a targeted sales value of RM250,000 during a four-day period.

He added that the fest had recorded 2.2 million visitors and participation of 2,180 entrepreneurs, and generated RM24 million in sales from 2017 to 2023. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2024	HARIAN METRO	BISNES	23

Agrobank, Kada santuni 100 asnaf

Kuala Lumpur: Agrobank dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) menyantuni 100 asnaf dengan sumbangan penyediaan berupa kotak makanan bersempena sambutan ambang kemerdekaan yang bertempat di Kota Bharu, Kelantan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, inisiatif ini merupakan sebahagian Tanggungjawab Sosial Korporat Agrobank untuk memastikan setiap golongan masyarakat, terutamanya yang kurang bernasib baik mendapat akses kepada makanan yang mencukupi dan sihat.

"Sumbangan ini bukan sekadar untuk meringankan beban, tetapi juga merapatkan jurang sosio-ekonomi dalam masyarakat sejajar dengan aspirasi ke-



TENGKU Ahmad Badli Shah (kanan) menyerahkan sumbangan kepada penerima.

merdeka negara.

"Selain itu, Agrobank percaya bahawa Hari Kebangsaan lebih bermakna apabila sambutannya diraikan bersama-sama tanpa mengira latar belakang.

"Semangat keprihatinan yang dimanifestasikan melalui sumbangan ini adalah simbol kebersamaan yang wajar dipupuk dalam kalangan masyarakat

Malaysia," katanya dalam kenyataan.

Bertemakan elemen tradisional, majlis itu dimekarkan dengan persembahan dikir barat dan silat yang merupakan seni warisan yang menjadi kebanggaan penduduk di negeri Cik Siti Wan Kembang itu.

"Sempena bulan kemerdekaan ini, kita sebagai ra-

kyat Malaysia wajar mengangkat martabat seni budaya dan warisan tradisional negara agar terus dipelihara untuk generasi akan datang dan tidak pudar ditelan zaman," katanya.

Selain itu, di peringkat Agrobank pihaknya telah mengadakan pelbagai aktiviti menarik sepanjang bulan kebangsaan antaranya majlis sambutan hari kebangsaan peringkat kakitangan Agrobank dan peraduan video Jiwa Merdeka Agrobank khusus untuk rakyat Malaysia dengan menawarkan Gold Wafer sehingga RM5,000.

Peraduan ini berlangsung sehingga 16 September 2024.

Agrobank juga turut berbesar hati menjadi salah satu rakan strategik bagi sambutan Hari Kebangsaan yang berlangsung di Putrajaya baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Dianggap tidak moden punca belia kurang minat sektor perikanan

PETALING JAYA: Gaya hidup pekerjaan di sektor perikanan yang berat dan tidak stabil, menjadi punca kepada kekurangan pelapis generasi muda dalam bidang itu.

Pengerusi Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari berkata, perkara itu menyebabkan anak muda lebih tertarik dengan pekerjaan yang menawarkan kestabilan ekonomi.

Katanya, kaedah tradisional, ketinggalan zaman dan tidak canggih, juga mengurangkan penglibatan generasi muda dalam sektor perikanan negara.

"Kestabilan ekonomi dan pendapatan dalam industri perikanan mungkin tidak setanding dengan sektor lain yang stabil dan tinggi.

"Industri perikanan sering kali dianggap sebagai pekerjaan yang berat dan tidak menarik bagi generasi muda," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Akhbar ini melaporkan, Malaysia berdepan kekurangan tenaga buruh tempatan dalam industri perikanan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang kerana hampir 52 peratus atau 58,531 nelayan kini berusia 50 tahun dan ke atas.

Dalam pada itu, Abdul Hamid berkata, pendekatan menyeluruh perlu diambil kerajaan, antaranya meningkatkan pelaburan

bagi latihan dan pendidikan berkaitan bagi menjadikan sektor perikanan lebih berdaya saing dan menarik generasi muda.

Katanya, dengan menaik taraf kemudahan kepada teknologi moden, ia dapat meningkatkan kecekapan dan hasil tangkapan sekali gus menarik generasi muda.

"Program latihan dan pendidikan yang bertujuan menarik golongan muda ke dalam industri perikanan boleh diperkenalkan. Ini termasuk kursus-kursus yang mengajar kemahiran moden dalam pengurusan perikanan dan teknologi.

"Memodenkan industri perikanan adalah penting untuk

memastikan Malaysia dapat memenuhi keperluan domestik," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Besut, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, golongan muda tidak tertarik menjadi nelayan kerana teknologi tangkapan ikan di negara ini masih ketinggalan.

Menurutnya, kemajuan dalam industri perikanan didapati tidak 'mesra' golongan muda sehingga mereka tidak berminat.

"Kerajaan patut mencontohi teknologi perikanan Taiwan yang moden dan terkini sehingga menarik minat generasi muda negara itu menjadi nelayan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2024	THE SUN	NATIONAL	4

Sabah Agriculture Park to introduce durian orchard within 3 years

TENOM: The Sabah Agriculture Park is set to introduce a durian orchard as part of its agrotourism initiative within the next two to three years.

The park's agriculture officer Nur Edna Hasreena Ahlun said visitors would have the opportunity to sample premium durian varieties grown at the orchard when it opens.

"They include *Musang King*, Black Thorn, *Musang Queen* 168, Asfa50, Mdur88 and *udang merah*," she said.

Nur Edna Hasreena said the orchard, covering approximately 32ha, currently houses young trees aged between five and six years, which have not yet produced a significant harvest.

Elaborating on the park, she said it spans 194ha and attracts around 10% of international visitors annually, primarily from China and Europe.

"These visitors include fruit lovers who enjoy easy access to a variety of fruits without the need to explore the forest," she said, adding that the park boasts a collection of over 1,500 types of fruits and plants.

She added that in addition to fruits, the park is a popular destination for orchid lovers, housing one of Malaysia's largest collections of lowland orchids, with about 350 varieties.

Nur Edna Hasreena said the park surpassed its visitor target last year, with 17,000 visitors compared with the 15,000 initially targeted.

She said to meet this year's target, the park organised the Flora and Indigenous Fruits Festival 2024, attracting over 4,000 visitors who participated in various activities such as e-sport competitions, agro talks as well as agrotours on fruit propagation, compost production and stingless bee farming. - Bernama